

Negara Malaysia

Kenduri doa selamat untuk PM

MELAKA, Jumaat — Lebih 120 pemimpin Umno peringkat negeri dan bahagian menyertai majlis membaca doa selamat dan kesejahteraan bagi kesihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman Ketua Menteri, di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin, Ahli Exco Negeri Melaka, Encik Mohd Ali Mohd Rustam, Haji Mohd Ali Majid, Haji Yasin Mohd Sharif, Haji Mohd Zin Abdul Ghani, Haji Ahmad Haji Abdullah, Puan Jenah Sharif, Senator Haji Ibrahim Jendol, Senator Datuk Nasir Manap dan Encik Asari Haji Ibrahim.

Ketika berucap di majlis itu, Datuk Seri Rahim berharap Perdana Menteri akan sembuh segera dan dapat menjalankan tugas untuk kepentingan bangsa, agama dan negara.